

Newspaper	Berita Harian
Date	14/5/2013

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-67 UMNO

Melayu berdepan cabaran lebih getir

Kaji segala kelemahan pastikan survival pada PRU-14

Raut wajah beliau tetap tenang. Ketika menyampaikan ucapan pada majlis sambutan Ulang Tahun Ke-67 UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu lalu, nadanya bersemangat dan tegas. Amanat Datuk Seri Najib Razak hanya mengambil masa kira-kira 15 minit, tetapi padat dan membawa mesej cukup jelas – mengenai survival parti pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), angkara hipokresi besar pembangkang serta fitnah rasis dilemparkan terhadap UMNO.

Ketika parti masih meraikan kejayaan memenangi lebih banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada PRU-13 berbanding PRU 2008, Presiden UMNO itu serius menyematkan pesanan – muhasabah dan menginsafi diri – bagi memastikan setiap anggota daripada peringkat kepimpinan tertinggi sehingga akar umbi sentiasa beringat mengenai perjuangan getir dan cabaran besar yang mendatang.

“Sama ada apabila UMNO sampai umur 71 atau 72 tahun, kita akan menyambut ulang tahun dalam Dewan Merdeka ini dengan kemegahan hebat ini atau mungkin lebih hebat, bergantung kepada sejauh mana kita sebagai anggota parti bertindak bersungguh-sungguh.

“Pertama, melaksanakan aku janji kita kepada rakyat. Kedua, membawa diri kita sebagai parti yang ingin berkhidmat kepada rakyat dengan penuh semangat dan keikhlasan.

“Kalau kita ingat perkara ini... janji kita tepati, kita tunduk, kita berkhidmat dan kita hormat kepada rakyat, insya-Allah lima tahun akan datang, kita sambut sekali lagi ulang tahun dengan penuh kejayaan kepada parti keramat ini.”

Demikian besarnya harapan Perdana Menteri yang mahu segala kelemahan dan kekurangan parti diperbetulkan. Setiap ahli UMNO diseru berusaha sebagai satu pasukan dalam ikatan perpaduan kukuh untuk memberi jaminan kepada seluruh rakyat bahawa UMNO dan Barisan Nasional (BN) akan memimpin Malaysia menjadi lebih aman, makmur dan berjaya.

Dalam menghargai kerja keras semua pihak di setiap pelusuk negara yang menyumbang kepada kejayaan parti serta berterima kasih kepada rakyat yang mengundi BN pada PRU-13, UMNO juga harus kenal dengan semangat untuk mengembalikan sokongan golongan yang memihak kepada pembangkang.

“Jangan kita angkuh. Jangan kita sombong. Jangan kita alpa. Kita



Najib menyampaikan amanat sempena sambutan Ulang Tahun Ke-67 UMNO di PWTC, Sabtu lalu.

adalah parti yang berjaya kerana rakyat suka, sokong dan percaya kepada kita. Tidak kira sama ada pemimpin besar atau pemimpin akar umbi, mesti ingat sepanjang masa bahawa pada kesudahannya, rakyatlah yang akan menentukan kelangsungan dan kekuasaan parti kita pada masa depan,” katanya.

UMNO terus diberi mandat

Hakikatnya, bukan mudah untuk mana-mana parti di dunia ini berupaya mempertahankan kuasa politik melalui sistem demokrasi berparlimen secara terbuka, selama 67 tahun penubuhan sebagai mana rekod dicatatkan oleh UMNO. Walaupun diasak dengan serangan berbagai tuduhan, tohmahan serta fitnah, UMNO dan BN tetap mendapat mandat kepercayaan daripada majoriti rakyat untuk meneruskan kesinambungan agenda kestabilan, keamanan, kemakmuran dan transformasi negara.

UMNO masih parti yang perkasa dan tidak tewas pada PRU-13, meskipun cuba diranapkan oleh pembangkang yang sengaja memainkan isu perkauman sehingga bukan sedikit pengundi yang terpengaruh dengan hasutan itu. Najib sudah berulang kali menegaskan bahawa UMNO bukan parti rasis. Sebaliknya, UMNO adalah parti yang mempertahankan dasar sederhana, adil dan saksama kepada seluruh rakyat dari dulu sehingga kini.

dikatakan cerdik pandai juga termanakan dengan strategi pembangkang.

Ketika pembangkang begitu lantang mempertikaikan kekalahan mereka pada PRU-13, anehnya mereka seolah-olah bersikap *double standard* apabila hanya berdiam diri mengenai kejayaan mereka memenangi banyak kerusi, termasuk terus berkuasa di Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang. Mereka segera mengiktiraf kemenangan yang diraih, tetapi berkeras menafikan kemenangan BN, walhal sistem pilihan raya digunakan dalam kedua-dua keadaan itu adalah sama.

Pengundi terutama mereka yang begitu ghairah atau taksub menyokong dakwaan pembangkang itu, perlu sekurang-kurang berlaku adil kepada diri dengan membuka minda dan merenung sedalam-dalamnya logik tuduhan mereka.

Rakyat mesti bijak menilai sekiranya penipuan memang berlaku seperti didakwa pembangkang, adakah logik untuk BN merelakan kekalahan begitu banyak kerusi pada peringkat Parlimen dan DUN, termasuk tumbangannya beberapa calon tokoh besar mereka? Bilangan kerusi Parlimen dimenangi BN bukan saja merosot kepada 133 berbanding 140 pada 2008, malah parti itu juga tewas dari segi undi popular dan gagal menawan semula Selangor, Kelantan serta Pulau Pinang sekali pun gerak kerja dan kempen BN dilakukan dengan begitu gigih.

Hormati keputusan rakyat

Mahu tidak mahu dalam konteks ini, dapat dilihat satu perbezaan sikap profesionalisme yang ketara antara kepimpinan tertinggi BN dan pembangkang. Najib walaupun terbukti bertungkus-lumus dan bekerja keras melaksanakan agenda transformasi negara sepanjang tempoh empat tahun lalu, menghormati keputusan pilihan rakyat tanpa mempertikaikan kekalahan calon BN atau membuat tuduhan liar terhadap SPR.

Sebaliknya, pemimpin pembangkang membuat perisytiharan sendiri kononnya sudah memenangi PRU-13, sekali gus mengheret rakyat untuk membantah kekalahan mereka dengan pelbagai tuduhan dan alasan, namun pada masa sama tanpa berlelang mengangkat sumpah sebagai kerajaan negeri di Pulau Pinang dan Kelantan.

Perbandingan itu mendedahkan wajah sebenar pembangkang yang selama ini mencanang kononnya mereka memperjuangkan demokrasi. Mereka terbukti enggan menghormati dan tidak memperdulikan hak, pilihan demokrasi serta perasaan rakyat majoriti yang tidak memihak kepada mereka.



SYUHADA CHOO ABDULLAH

choo@mediaprima.com.my

“Kita memberi keadilan dan hak kepada mereka yang bukan Melayu di negara ini. Kita menganggap mereka sebagai rakan kongsi. Inilah UMNO dan inilah formula terbaik, bukan formula keterlaluan untuk memancing undi tetapi akhirnya akan memusnahkan negara kita yang tercinta”

“Kita tidak akan benarkan politik oportunis yang akan menghancurkan segala-gala telah dibina oleh UMNO dan BN untuk rakyat dan negara selama ini”